

Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang

- 1. Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Jiwa Merdeka

Khutbah Sempena Hari Malaysia

20 September 2024M/ 16 Rabi'ulawwal 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَلِيِّ الْمُتَّقِينَ، وَنَاصِرِ عِبَادِهِ الْمُسْتَضْعَفِينَ، يَقْضِي
بِالْحَقِّ وَهُوَ خَيْرُ الْفَاصِلِينَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ النَّوْرُ الْهَادِي
لِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحَابَتِهِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ
ذُنُوبَكُمْ.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Bersyukurlah kita pada saat dan ketika ini masih lagi diberikan kesempatan oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** untuk terus mengecapi nikmat hidup dalam keimanan dan keamanan. Oleh itu, marilah kita merafakkan sembah kesyukuran dengan memastikan kita terus bertakwa kepada Allah dengan ketakwaan yang sebenar-benarnya. Taatilah segala suruhan-Nya serta tinggalkan segala larangan-Nya semata-mata kerana iman kepada Allah.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam



masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Ayuh bersama-sama kita mencari keredhaan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** sementara masih berkesempatan berada di alam dunia yang fana ini sebelum roh kita ditarik oleh-Nya. Pada hari yang penuh barakah ini bersempena Hari Malaysia, marilah kita hayati khutbah bertajuk: **“Jiwa Merdeka.”**

SAUDARA-SAUDARAKU YANG DIKASIHI ALLAH,

Tanggal 16 September 1963 adalah detik bersejarah yang menyaksikan penyatuan Persekutuan Tanah Melayu bersama Sabah, Sarawak dan Singapura lalu membentuk sebuah negara baharu bernama Malaysia. Segala-galanya bermula melalui cadangan Perdana Menteri ketika itu, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Hajj, pada 27 Mei 1961.

Akhirnya pada 9 Julai 1963, Perjanjian Penubuhan Persekutuan Malaysia telah terbentuk. Ini adalah peristiwa besar buat negara kita yang telah termaktub dalam lembaran sejarah. Ia tidak boleh diubah, tetapi harus difahami dan diambil ibrah.

WAHAI TETAMU ALLAH YANG DIBERKATI,

Islam telah mengajar umatnya akan kepentingan ukhuwah (persaudaraan), perpaduan dan kasih sayang. Sesungguhnya kesejahteraan, keselamatan dan keadilan adalah untuk umat sejagat tanpa mengira latar belakang bangsa, warna kulit, bahasa dan budaya akhirnya bersatu di bawah panji Malaysia. Hal ini amat bertepatan dengan firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah al-Hujurat ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ
أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih bertakwa di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sedarkah kita, kehidupan rakyat negara ini pernah diuji dengan serangan dan penjajahan oleh pelbagai kuasa seperti Portugis, Belanda, Siam, Jepun dan Inggeris? Tidak cukup dengan itu, kita diuji pula dengan zaman darurat pada tahun 1948, serta ancaman konfrontasi pada tahun 1963-1965. Ujian terbesar Malaysia ialah apabila tercetusnya pergaduhan antara kaum pada tahun 1969 sehingga menjejaskan keharmonian hidup bermasyarakat.

Seharusnya ujian ini cukup untuk mendewasakan kita semua. Apatah lagi ketika usia negara Malaysia ini telah menginjak usia 67 tahun. Dalam usia sebegini, amatlah tidak wajar sekiranya masih terdapat sifat “ananiah” iaitu mementingkan diri sendiri. Masih merasakan diri atau puak kitalah yang lebih hebat dan betul berbanding orang lain. Sifat ini perlu dibuang sama sekali. Ia adalah sifat yang merugikan dan hanya mengundang permusuhan. Maka hindarkanlah sifat fanatik kenegerian



yang melampau, sebaliknya semailah benih perpaduan di bawah nama Malaysia yang tercinta.

HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Lihatlah tanah air kita Malaysia yang tercinta ini. Pembangunan berlaku dengan pesat, ekonomi dapat berkembang dengan baik bahkan ia menjadi pusat tumpuan utama pelancong dari seluruh pelosok dunia. Nikmat-nikmat ini wajib kita syukuri dan pertahankan supaya ia dapat dinikmati pula oleh generasi yang akan datang.

Malaysia sememangnya sebuah negara yang unik dengan kepelbagaian kaum dan agama serta bahasa dan adat budaya. Oleh kerana kepelbagaian menjadi latar belakang pembinaan negarabangsa ini, isu perbezaan dan perselisihan pendapat mesti kita harmonikan melalui semangat perpaduan dan sikap saling hormat menghormati sesama warganegara. Seperti yang dilakukan Baginda Nabi ﷺ dalam membangunkan Madinah Al-Munawwarah.

Mimbar percaya setiap warganegara Malaysia sentiasa memegang prinsip amalan hidup bersatu padu dengan mengeratkan hubungan dan memperkuatkan masyarakat. Kita harus sedar bahawa perpecahan hanya akan melemahkan dan merugikan kita.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bersempena Hari Malaysia pada tahun ini, marilah bersama kita menghayati enam nilai teras madani yang menjadi sendi gagasan negara yang mesti kita fahami iaitu:



Pertama: KeMampanan iaitu moto hidup seimbang berdasarkan citra Malaysia yang unik berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan.

Kedua: Kesejahteraan iaitu kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan.

Ketiga: Daya cipta iaitu pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia.

Keempat: Hormat iaitu perilaku budaya bahasa kepada kekayaan tradisi, meraikan kemajmukkan dan perbezaan pandangan.

Kelima: Keyakinan iaitu menghidupkan harapan terhadap perubahan seiring sikap amanah melakukan perubahan ke arah kebaikan.

Keenam: Ihsan iaitu belas ihsan terhadap nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan.

Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah Ali Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً
فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ
فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan

nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka(disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua

2024M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارِضِ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِلْ كَلِمَتَكَ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.



اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،
اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf Pulau Pinang.

Ya Allah! Jadikanlah kerja-kerja agihan zakat di Pulau Pinang ini sebagai suatu usaha yang berkesan bagi membela golongan asnaf sasaran. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.



عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

